

PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MANUAL SIRI TRANSPARENSI

MUNIRAH BINTI ABDUL MANAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2002

Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Untuk:

Abah dan Mak Tersayang

Segala Jasa dan Bakti Kalian Tidak Mungkin Terbalas

Walau Dengan Segunung Intan

Tidak Lupa Kepada Adik Beradik dan Anak-Anak Saudara Yang Terlalu Banyak

Menabur Budi....

Serta Rakan-Rakan Seperjuangan

Terima Kasih Di Atas Segalanya.

Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Serupa Nilainya

Dengan Kasih dan Cinta Kalian



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat-Nya sempurnalah sudah Projek Sarjana ini sebagaimana yang dirancangan.

Jutaan penghargaan buat pembimbing Tuan Haji Sapon Bin Ibrahim kerana banyak membantu dalam menyiapkan Projek Sarjana ini. Segala tunjuk ajar, teguran dan ilmu yang dicurahkan amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan, bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diberkati oleh ALLAH S.W.T.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menguji sejauh mana Manual Pembinaan Siri Transparensi (MPST) yang dibangunkan oleh pengkaji membantu pembina transparensi sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM). Ujian dijalankan dari segi kesahan isi kandungan, rajah dan bahasa. Responden untuk kajian ini terdiri daripada 5 orang pensyarah dan 45 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Semester Dua Sesi Mei 2002/2003. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah MPST dan juga borang soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Data-data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik seterusnya dianalisis menggunakan *Statistical Packages For Social Sciences Version 10.0 (SPSS)* yang dipersembahkan dalam bentuk skor min. Hasil analisis bagi kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan pensyarah dan kumpulan pelajar menunjukkan isi kandungan, rajah dan bahasa berada di tahap yang baik berdasarkan skor keseturuhan min yang telah ditentukan julatnya. Kedua-dua kumpulan responden menyatakan MPST dapat menjadi garis panduan dalam pembinaan siri transparensi.



PTM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

ABSTRACT

This study attempts to evaluate the adaptability of the transparency. Manual in terms of the content, diagram and language usage in making transparency as one of aid teaching materials. Respondents of this study consist of five lecturers and 45 Technical and Vocational Education (PTV) graduate students at Tun Hussien Onn University College of Technology (KUiTTHO). The instruments used in this study were the transparency manual and questionnaires. The data were gained from the questionnaires and were analyzed by using *Statistical Packages For Social Sciences Version 10.0 (SPSS)* which the result were represented by mean scores. Findings indicated that the research aspect of the manual were in good standing. Both group of respondents lecturers and students agreed that the transparency manual could be used as a guideline to produce a series of transparencies.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PEMBIMBING	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Kerangka Teori	7
	1.8 Skop Kajian	8

1.9	Batasan Kajian	8
1.10	Definisi Istilah	9
1.10.1	Alat Bahan Bantu Mengajar	9
1.10.2	Projektor Lutsinar	9
1.10.3	Transparensi	9
1.10.4	Siri Transparensi	10
1.10.5	Pengajaran	10
1.10.6	Pembelajaran	10
1.10.7	Manual	11
1.10.8	Pengujian	11
1.10.9	Pelajar	11
1.10.10	Pensyarah	11

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Alat Bahan Bantu Mengajar	12
2.3	Kelebihan Transparensi dan Projektor Lutsinar	13
2.4	Kajian Media	16
2.5	Ciri-Ciri Manual	17
2.6	Format Isi Kandungan Transparensi	18
2.7	Kesimpulan	20

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	21
3.3	Tempat Kajian	22
3.4	Sampel Kajian dan Kaedah Pemilihan Sampel	22
3.4.1	Sampel Kajian	22
3.4.2	Kaedah Pemilihan Sampel	23
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	23
3.6	Instrumen Kajian	23

3.7	Kronologi Kajian	25
3.7.1	Peringkat Pertama	26
3.7.2	Peringkat Kedua	26
3.7.3	Peringkat Ketiga	26
3.7.4	Peringkat Keempat	26
3.7.5	Peringkat Kelima	27
3.7.6	Peringkat Keenam	27
3.7.7	Peringkat Ketujuh	27
3.7.8	Peringkat Kelapan	27
3.7.9	Peringkat Kesembilan	27
3.8	Kaedah Analisis Data	28
3.9	Kajian Rintis	29
3.10	Limitasi Kajian	29
3.11	Andaian Kajian	30

BAB IV REKA BENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	31
4.2	Latar Belakang Penghasilan Produk	31
4.3	Reka Bentuk Produk	32
4.3.1	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	32
4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	33
4.3.2.1	Analisis Keperluan Bagi Pembinaan Manual	35
4.3.2.2	Menentukan Format Manual	35
4.3.2.3	Mengenal Pasti dan Menghuraikan Ciri Pengguna	35
4.3.2.4	Membina Objektif Manual	36
4.3.2.5	Analisis Kemahiran dan Pengetahuan yang Berkaitan dengan Objektif yang Perlu Dimasukkan	36

4.3.2.6 Memilih Isi Kandungan	36
4.3.2.7 Memilih Aktiviti dan Arahan Media	36
4.3.2.8 Mencuba Manual Pada Kumpulan Sasaran	37
4.3.2.9 Analisis Data Percubaan Bagi Meningkatkan Manual	37
4.3.2.10 Manual	37
4.3.2.11 Semak Semula	37
4.3.3 Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	38
4.3.4 Kos dan Masa Membina Produk	38
4.4 Pengujian Produk	38
4.4.1 Fokus Pengujian Produk	39
4.5 Cadangan Pembaikan	39

BAB V ANALISIS DATA

5.1 Pengenalan	40
5.2 Prosedur Untuk Menganalisis Data	40
5.2.1 Persoalan Kajian Pertama	41
5.2.2 Persoalan Kajian Kedua	42
5.2.3 Persoalan Kajian Ketiga	44
5.3 Komen dan Cadangan Responden Mengenai MPST	46
5.4 Rumusan	46

BAB VI PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	47
6.2 Perbincangan Dapatan Kajian	48
6.2.1 Kesesuaian Isi Kandungan Dalam MPST	48
6.2.2 Kesesuaian Rajah Dalam MPST	49

6.2.3 Kesesuaian Bahasa Dalam MPST	50
6.3 Rumusan	50
6.4 Cadangan	51
6.5 Penutup	52
RUJUKAN	53
LAMPIRAN	58



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	28
3.2	Tahap Penghasilan Manual	28
5.1	Dapatan Analisis Skor Min Terhadap Penghasilan MPST Dari Segi Isi Kandungan	41
5.2	Dapatan Analisis Skor Min Terhadap Penghasilan MPST Dari Segi Rajah	43
5.3	Dapatan Analisis Skor Min Terhadap Penghasilan MPST Dari Segi Bahasa	45
5.4	Maklum Balas Responden Berkenaan MPST	46



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Rajah 1.1 : Kerangka Teori	7
3.1	Rajah 3.1 : Kronologi Kajian	25
4.1	Rajah 4.1 : Carta Alir Bagi Reka Bentuk Dan Pembinaan Manual Yang Telah Diadaptasi dari Model Meyer (1988)	34



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MPST	-	Manual Pembinaan Siri Transparensi
OHP	-	Projektor Lutsinar
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPSS	-	Statistical Packages For Social Sciences



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik (Kajian)	58
B	Borang Soal Selidik (Tinjauan)	62
C	Dapatan Kajian (Tinjauan)	65
D	Model Meyer	68
E	Manual Pembinaan Siri Transparensi	69



PTTA UTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Dunia pendidikan sejak dahulu lagi menggunakan pelbagai kaedah dalam usaha memindahkan pengetahuan serta ilmu di antara tenaga pendidik dengan para pelajar. Bermula dengan kaedah lisan, tulisan dan lukisan dan terus berkembang dengan menggunakan alat-alat atau bahan-bahan elektronik seperti radio, projektor lutsinar (OHP), pita perakam audio dan video, komputer dan sebagainya yang mengutamakan kemahiran-kemahiran dan teknik-teknik moden dalam pendidikan. Menurut Herrington dan Oliver (1997), bahan media adalah pembaharuan dalam pendidikan yang terkini bagi sekolah rendah, menengah dan peringkat yang lebih tinggi. Penggunaan bahan media dalam proses pengajaran adalah penting kerana ia dapat memberikan pengajaran yang menarik, sesuai bagi pelajar yang mempunyai keupayaan pembelajaran yang berbeza-beza dan pelajar berupaya membuat kerjanya sendiri (Nicholson dan Ngai, 1996).

Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) merupakan alat dalam pengajaran yang tidak membataskan kepada alat yang biasa digunakan seperti papan hitam, gambar-gambar, segala perkakas dan perisian untuk mengajar sahaja (Naim Hj. Ahmad, 1996). Rudin Salinger dan Omar Ibrahim (1988), berdasarkan pemerhatian mereka di bilik darjah, didapati ramai pendidik tidak memberi penerangan yang mudah difahami oleh

pelajar tentang sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Sebaliknya pendekatan yang digunakan seringkali membosankan pelajar dan menimbulkan perasaan negatif dalam jiwa mereka. Penggunaan secara tersusun dan terancang akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO) merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Program yang dilaksanakan di KUiTTHO merupakan program yang berteraskan teknikal dan vokasional (Ayob & Sulaiman, 2000). Terdapat 19 program diploma, 15 program ijazah sarjana muda dan tiga program ijazah lanjutan bagi kejuruteraan dan satu program ijazah lanjutan Pendidikan Teknik dan Vokasional yang ditawarkan pada sesi 1999/2000 (Ayob & Sulaiman, 2000). KUiTTHO berperanan melahirkan graduan berkualiti dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Selain itu ia juga turut berperanan melatih bakal tenaga pendidik yang akan berkhidmat di politeknik-politeknik seluruh Malaysia melalui program Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Sarjana PTV), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Diploma Kejuruteraan dan Pendidikan (Ayob & Sulaiman, 2000).

Seiring dengan perkembangan teknologi di dalam bidang pendidikan untuk melahirkan tenaga pendidik yang berketrampilan, antara mata pelajaran yang perlu diikuti oleh pelajar Sarjana PTV ialah subjek Pedagogi dan Teknologi dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (MTT 1204). Pelajar Sarjana PTV perlu membina ABBM yang terdiri daripada siri transparensi, gambar-gambar, slaid powerpoint, cakera padat dan pita video.

Salah satu media yang kerap digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah transparensi dengan bantuan OHP. OHP merupakan alat yang

digunakan untuk menayangkan bahan transparansi bagi membantu kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu kelas secara berkesan terutamanya kelas yang mengandungi bilangan pelajar yang ramai.

Transparensi merupakan slaid besar yang digunakan dengan OHP oleh seorang penyampai yang berada pada kedudukan di hadapan bilik. Transparansi boleh mempersembahkan konsep, proses, fakta, statistik, garis kasar dan rumusan secara visual untuk kumpulan kecil sehinggalah kepada kumpulan besar. Menurut Muhamad Hasan (2000), dengan terciptanya OHP dan transparansi, ia secara tidak langsung dapat membantu para pendidik dalam menyampaikan bahan pelajaran kepada pelajar secara berkesan. Ia merupakan alat bagi perhubungan di antara pendidik dan pelajar di dalam bilik darjah secara efektif.

Kenyataan ini disokong oleh Vincent (1970) dalam Muhamad Hasan (2000), transparansi merupakan ABBM yang paling berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Keberkesanan ini dipengaruhi oleh jenis tulisan, saiz huruf, jumlah perkataan, jumlah ayat, jarak langkau, kesesuaian warna di antara latar belakang dengan teks, susun atur, siri nombor, grafik dan saiz bingkai.

OHP mempunyai banyak kelebihan kerana pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap apa yang dipaparkan berbanding dengan pendidik yang menggunakan kaedah kapur dan papan hitam dalam menyampaikan satu maklumat. Dengan menggunakan transparansi, ia boleh menjimatkan masa. Ini kerana, kebiasaannya pendidik menyediakan bahan pengajaran pada transparansi terlebih dahulu dan hanya perlu ditayangkan untuk sesi pengajaran dengan kedudukan pendidik berhadapan dengan pelajar. Selain itu, bahan transparansi lebih menarik dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Transparansi biasanya dibuat dalam bentuk bersiri mengikut susunan sukatan pelajaran.

Dalam pembinaan siri transparensi, kita memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu bagi setiap pembinaannya. Walau bagaimanapun tidak semua kita memiliki kemahiran dan pengetahuan tersebut.

Penyediaan ABBM merupakan perkara baru kepada pelajar kerana pelajar yang mengikuti program Sarjana PTV mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang yang berbeza dan tidak ada kaitan dengan pembinaan siri transparensi. Jadi di sini, timbul masalah di kalangan pelajar Sarjana PTV dalam menyiapkan ABBM.

Hasil tinjauan awal yang telah dibuat oleh pengkaji menunjukkan kebanyakan pelajar Sarjana PTV Semester Dua Sesi November 2001/2002 di KUITTHO tidak mengetahui kaedah pembinaan siri transparensi yang berkesan. Sebanyak 66.47 peratus daripada 83 pelajar Sarjana PTV tidak mengetahui prinsip visual yang betul ketika membina transparensi. Ciri-ciri yang ditinjau merangkumi jenis tulisan, saiz huruf, jumlah perkataan, jumlah ayat, jarak langkau, kesesuaian warna teks dengan latar belakang, susun atur, siri nombor, grafik dan ukuran bingkai. Sebanyak 50.20 peratus pelajar Sarjana PTV tidak tahu tentang teknik-teknik dalam penyediaan siri transparensi yang betul. Manakala 54.42 peratus pelajar Sarjana PTV tidak mengetahui teknik-teknik persembahan transparensi (rujuk Lampiran C).

Secara kesimpulannya, purata pelajar Sarjana PTV tidak mengetahui dari ketiga-tiga aspek iaitu prinsip visual, teknik-teknik dalam penyediaan siri transparensi dan teknik-teknik persembahan transparensi adalah tinggi. Justeru itu, satu garis panduan atau manual diperlukan bagi membantu para pelajar Sarjana PTV.

1.3 Pernyataan Masalah

Melihat kepada tinjauan awal yang dibuat oleh pengkaji, satu pendekatan diambil bagi mengatasi masalah ini. Pengkaji merasakan perlunya Manual Pembinaan Siri Transparensi (MPST) dihasilkan. Cadangan ini disokong oleh 73.5 peratus pelajar Sarjana PTV Semester Dua Sesi November 2001/2002 menyatakan manual perlu dihasilkan sebagai garis panduan.

Penghasilan MPST dalam kajian ini, diharapkan dapat membantu pelajar dan pembina ABBM dalam menyiapkan siri transparensi. Di samping itu juga, ia boleh menjadi satu garis panduan kepada pendidik yang menggunakan siri transparensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan kajian berikut:

- (i) Apakah isi kandungan dalam Manual Pembinaan Siri Transparensi ini mencukupi?
- (ii) Apakah contoh rajah dalam Manual Pembinaan Siri Transparensi ini mencukupi?
- (iii) Apakah bahasa yang digunakan dalam Manual Pembinaan Siri Transparensi ini dapat memberi kefahaman kepada pelajar?

1.5 **Objektif Kajian**

- (i) Menghasilkan Manual Pembinaan Siri Transparensi.
- (ii) Meninjau sama ada isi kandungan dalam Manual Pembinaan Siri Transparensi yang dihasilkan ini mencukupi.
- (iii) Meninjau sama ada contoh rajah dalam Manual Pembinaan Siri Transparensi yang dihasilkan ini mencukupi.
- (iv) Meninjau sama ada bahasa yang digunakan dalam MPST yang dihasilkan dapat memberi kefahaman kepada pelajar.

1.6 **Kepentingan Kajian**


Antara kepentingan kajian yang dapat dikenalpasti adalah seperti berikut:

- (i) Menghasilkan Manual Pembinaan Siri Transparensi yang telah diuji keesahannya.
- (ii) Pelajar Sarjana PTV dapat menggunakan Manual Pembinaan Siri Transparensi sebagai garis panduan dalam menyiapkan ABBM.
- (iii) Pelajar Sarjana PTV yang ingin membuat kajian berkaitan dengan topik ini pada masa hadapan boleh memurnikan lagi Manual Pembinaan Siri Transparensi.
- (iv) Pendidik boleh menggunakan Manual Pembinaan Siri Transparensi sebagai garis panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- (v) Bakal pensyarah iaitu para pelajar boleh menggunakan Manual Pembinaan Siri Transparensi ini untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

1.7 Kerangka Teori

Kajian ini yang dihasilkan adalah berdasarkan suatu proses yang dicadangkan oleh Biggs (1998) dalam Murugadas (2001). Proses ini telah diadaptasikan oleh pengkaji mengikut kesesuaian kajian. Proses ini memerlukan satu hasil bagi mengatasi satu masalah, perlaksanaan terhadap hasil tersebut dan akhirnya pengujian terhadap hasil rancangan tersebut.



Petunjuk

MPST : Manual Pembinaan Siri Transparensi

G/R : Rajah

BHS : Bahasa

Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Dalam kajian ini, hasil yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah MPST. Responden yang membuat pengujian kepada MPST ini terdiri daripada dua kumpulan iaitu pensyarah dan pelajar Sarjana PTV Semester Dua Sesi Mei 2002/2003 di KUiTTHO. Pensyarah dalam kajian ini hanya untuk mendapatkan keesahan MPST.

Pengujian terhadap MPST ini dilihat dalam tiga bahagian iaitu isi kandungan, rajah dan bahasa. Selepas data dianalisis, MPST dimurnikan lagi mengikut dapatan yang diperolehi dari borang soal selidik.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pembangunan MPST serta pengujian ke atas MPST dengan memilih pensyarah yang sudah dikenal pasti menggunakan transparensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala pelajar Sarjana PTV Semester Dua Sesi Mei 2002/2003 di KUITTHO dipilih secara rawak.

1.9 Batasan Kajian

- (i) Dilaksanakan dalam kekangan masa dan kewangan.
- (ii) Kajian ini hanyalah untuk melihat pandangan pelajar dan pensyarah mengenai MPST sama ada ia boleh diguna sebagai garis panduan dari segi isi kandungan, rajah dan bahasa.
- (iii) Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam memberikan maklum balas mereka secara ikhlas dan jujur.
- (iv) Pengkaji mengandaikan bahawa pelajar Sarjana PTV Semester Dua Sesi Mei 2002/2003 dan pensyarah di KUITTHO mewakili populasi secara keseluruhan.



1.10 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, beberapa istilah khusus telah digunakan. Bahagian ini akan menghuraikan definisi istilah-istilah tersebut.

1.10.1 Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM)

Menurut Nur Dzai (1984), ABBM merupakan alat yang digunakan oleh pendidik atau pelajar untuk memberi kefahaman dalam penyampaian maklumat. Dalam kajian ini, ABBM hanya ditumpukan kepada siri transparensi sahaja.

1.10.2 Projektor Lutsinar (OHP)

OHP merupakan alat yang digunakan untuk menayangkan bahan transparensi bagi membantu kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu kelas secara berkesan terutamanya kelas yang mengandungi bilangan pelajar yang ramai.

1.10.3 Transparensi

Transparensi merupakan slaid yang digunakan bersama OHP oleh seorang penyampai yang berada di hadapan.

1.10.4 Siri Transparensi

Dalam kajian ini, transparensi ini dibina secara bersiri mengikut urutan isi kandungan pengajaran secara lengkap.

1.10.5 Pengajaran

Menurut Farrant (1985) dalam Azrina (2000), pengajaran bermaksud satu proses yang membantu pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan dan sikap yang telah ditetapkan. Pengajaran moden berpusatkan kepada pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai.

1.10.6 Pembelajaran

Menurut Gagne (1970) dalam Azrina (2000), pembelajaran dapat ditakrifkan sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku yang agak tetap dan ia boleh berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan. Ianya berlaku apabila ransangan diproses oleh otak seseorang individu untuk dijadikan pengalaman (Farrant, 1985 dalam Azrina, 2000).



RUJUKAN

Abdul Fatah Malik dan Mohd Majid Konting (1993). "Memahami Penyelidikan Pendidikan." Ed. 4. (Dalen, V. and Deabold, P., Terjemahan). Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia. (Diterbitkan asal 1985).

Ahmad Atory Hussien (1985). "Prinsip Pengurusan Di Sektor Awam dan Swasta."
Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.

Arifah Abdul Aziz, Fatimah Ibrahim dan Mohd Dahlan Ramli (1993). *Literasi media : Ke arah Kecemerlangan Pengajaran Bahasa' dalam Ulang Tahun Ke-20 Bahagian Teknologi Pendidikan.* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Atan Long (1982). "Pedagogi Kaedah Mengajar Abraham Maslow." Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ayob Johari dan Sulaiman bin Haji Hassan (2000). Technical and Vocational Educational Program at Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO): A new program for technical and vocational schools, community colleges and polytechnics, Ministry Of Education, Malaysia. *Technology and Vocational Technical Education – Globalisation and Future Trends*, 2, 358-362.

Azrina binti Baharim (2000). "Modul Pembelajaran Kendiri Bertajuk Struktur Asas bagi Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Tingkatan 4 Sekolah Menengah." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.

- Baharuddin Aris, Noraffandy Yahaya, Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir. (2000). "Teknologi Pendidikan : Dari Yang Tradisi Kepada Yang Terkini." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Best, J.W. and Kahn. (1993). "Research In Education." 8th. Ed. Neetham Heights.
- Blake & Bly (1993). <http://quarles.unbc.edu/lsc/rpwhatis.html>. Dicapai pada 26 Ogos 2002.
- Bullough, R.V. (1988). "Creating Instructional Materials." 3rd. Ed. New York: Macmillan Publishing Company.
- Farrant, J.S. (1985). "Prinsip Dan Amali Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fink, A and Kosecoff, J. (1985). "How To Conduct Surveys." California: Sage Publications Inc.
- Heinich, R. *et al.* (1993). "Instructional Media." 4th Ed. New York: Macmillan Publishing Company.
- Heinich, R. *et al.* (1996). "Instructional Media And Technologies For Learning." 5th Ed. Ohio: Prentice Hall.
- Herrington, J. and Oliver, R. (1997). "Multimedia, Magic And The Way Students Respond To A Situated Learning Environment." *Australian Journal Of Educational Technology*, 13, no. 2, pp. 127-143
- Kamarudin bin Haji Abu Hassan (1998). "Keberkesanan Penggunaan Projektor Overhed Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah." *Wacana Intelektual 1*. Maktab Perguruan Melayu Melaka. Ms 1-9

- Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemp, J. E and Dayton, K. D. (1985). "Planning & Producing Instructional Media." 5th Ed. New York: Harper & Row Publishers.
- Lau, Too Kya dan Zainuddin Awang (2001). "Statistik Asas UiTM." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mat Nor Hussin dan Ab. Rahman Ab. Rashid (1989). "Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa." Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Meyer, G.R. (1988). "Modules-From Design To Implementation." 2ndEd. Manila: The Colombo Plan Staff College For Technician Education.
- Mohd Majid Konting (1993). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows." Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Verton Publishing.
- Mok Song Sang (1991). "Pedagogi 2 - Strategi Pengajaran dan Pengajaran Mikro." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Muhamad Hasan Abdul Rahman (2000). "Media Pengajaran – Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan." Serdang: Penerbit UPM.

- Murugadas A/L Ramdas @ Chelamuthu. (2001). "Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK) bagi Meningkatkan Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan di Kalangan Pensyarah di JPTV KUITTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Projek Sarjana. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.
- Nicholson, A.Y.W. and Ngai, J.Y.K.(1996). "Managing The Development And Production Of Interactive Multimedia Courseware In Education." *Australian Journal Of Educational Technology* 12, no. 1, pp. 35-45
- Noraini Kaprawi (1996). "Hubungan Program-Program Kualiti Kehidupan Bekerja Dengan Kepuasan Kerja Dan Penglibatan Kerja Bagi Pekerja-Pekerja Cabot:Kajian Tinjauan Di Cabot (Malaysia) Sdn. Bhd., Port Dickson, Negeri Sembilan." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.
- Noor Suriani Nazrudin (2000). "Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukaneka: Satu Tinjauan Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Projek Sarjana. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.
- Omardin Ashaari (1997). "Prinsip Pengajaran Mikro." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Poh Swee Hiang, Mokhtar Affandi Amran dan Tajuddin Hassan (1996). "Sumber Teknologi." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1995). "Pengajaran Dalam Bilik Darjah Kaedah Dan Strategi." Kajang: Masa Enterprise.
- Razali Nor (1995). "Media Unjuran dan Media Elektronik." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Shaharom Noordin (1997). "Pencapaian Akademik Para Pelajar Tingkatan Empat Dalam Mata Pelajaran Fizik Menerusi Kaedah Pengajaran Bermodul." *Jurnal Guru*. Keluaran 6. Ms 474-478

Uma Sekaran (1992). "Research Method For Business : A Skill-Building Approach." 2nd Ed. United States Of America: John Wiley & Sons Inc.

Vierra, A., Pollock J. and Golez F. (1998). "Reading Educational Research". 3rd. Ed. New Jersey: Prentice Hall.

Yusup Hashim (1993). "Transparensi Dalam Sistem Pengajaran." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH